

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO HASBULLAH B. OSMAN (GERIK)**

**SOALAN**

**DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIC ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan tindakan undang-undang yang lebih keras terhadap individu atau kumpulan yang dengan sengaja mempersendakan Yang di-Pertuan Agong dan agama Islam atau agama lain yang semakin menjadi-jadi sekarang ini supaya terpelihara keharmonian hidup pelbagai kaum di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Ketenteraman awam sentiasa menjadi keutamaan Kementerian Dalam Negeri bagi memastikan keamanan di dalam negara terpelihara. Sungguhpun begitu, masih wujud anasir-anasir dalam kalangan masyarakat yang mahu menggugat ketenteraman awam, terutamanya yang membabitkan perkara-perkara berkaitan Yang di-Pertuan Agong dan agama seperti mempersendakan Yang di-Pertuan Agong, tidak menghormati Islam sebagai Agama Persekutuan serta agama lain yang dibenarkan di dalam Malaysia. Dalam hal ini, Kerajaan tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang membangkitkan isu sensitif khususnya menerusi penyebaran maklumat yang mempersenda Institusi Diraja dan agama di negara ini kerana perbuatan tersebut boleh mengganggu ketenteraman dan keharmonian yang dinikmati rakyat selama ini.

Pihak polis akan mengambil tindakan terhadap individu atau kumpulan yang dengan sengaja seolah-olah mempersendakan Yang di-Pertuan Agong, agama Islam serta agama lain berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada seperti berikut:

- i. Seksyen 3(1)(a) Akta Hasutan 1948 berhubung kesalahan mendatangkan kebencian atau penghinaan atau membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja atau Kerajaan;
- ii. Seksyen 298 Kanun Keseksaan yang menyebut mengenai dengan sengaja mengeluarkan perkataan, bunyi, isyarat dan sebagainya berniat hendak melukakan perasaan keagamaan seseorang;
- iii. Seksyen 298A Kanun Keseksaan iaitu mengenai perlakuan menulis, bercakap, mempromosi, membantu, menganjur, mengatur dan sebagainya apa-apa aktiviti yang menyebabkan atau boleh menyebabkan ketidakharmonian, perpecahan atau perasaan permusuhan, benci-membenci atau niat jahat, atau memudararatkan keharmonian atau perpaduan di atas alasan agama;
- iv. Seksyen 295 Kanun Keseksaan berhubung memusnahkan, merosakkan atau mencemarkan tempat sembahyang dengan niat mengaibkan agama golongan tersebut; dan
- v. Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang memperuntukkan mengenai kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian dan lain-lain.